

PERTANDINGAN MENULIS SAJAK SEMPENNA FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK 2023

1. MAKLUMAT PERTANDINGAN

- 1.1. Pertandingan Menulis Sajak sempena Festival Sastera Kanak-Kanak 2023 adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara.
- 1.2. Tempoh pertandingan ini adalah bermula dari **1 Julai 2023** hingga **31 Julai 2023**.
- 1.3. Tema pertandingan adalah **“Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni”**.

2. PENYERTAAN

- 2.1. Penyertaan adalah terbuka kepada kanak-kanak Warganegara Malaysia berumur 9 – 12 tahun sahaja.
- 2.2. Setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
- 2.3. Penyertaan adalah **PERCUMA**.

3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1. Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang diberikan.
- 3.2. Penyertaan hendaklah memaparkan semangat perpaduan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
- 3.3. Penghasilan sajak adalah dalam Bahasa Malaysia sahaja dan setiap sajak perlulah mempunyai tajuk.

4. SYARAT PERTANDINGAN

- 4.1. Pertandingan bermula pada 1 Julai 2023 sehingga 31 Julai 2023.
- 4.2. Penyertaan hanya boleh dikemukakan secara individu.
- 4.3. Setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
- 4.4. Setiap karya penyertaan mestilah karya asli.
- 4.5. Karya plagiat adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati sajak yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan peserta akan dibatalkan serta-merta.
- 4.6. Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan sajak.

- 4.7. Sajak yang dihasilkan hendaklah **tidak menyentuh** isu-isu sensitif seperti sentimen perkauman dan agama, hasutan, penyelewengan akidah dan mengganggu ketenteraman awam.
- 4.8. Peserta perlu memuat naik karya sajak dalam format PDF ke Borang Penyertaan melalui *Google Form* yang disediakan.
- 4.9. Format dokumen yang ditetapkan adalah format PDF sahaja.
- 4.10. Sajak yang dihantar hendaklah bertaip dan menggunakan '*font*' Arial bersaiz 12 dengan '*spacing*' 1.5.
- 4.11. Kos penyertaan dalam menghasilkan karya ditanggung oleh peserta sepenuhnya.

5. KRITERIA PENGHAKIMAN

- 5.1. Keseluruhan sajak penyertaan yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan yang berikut:

PERKARA	PEMARKAHAN (%)
Keaslian Idea	40
Gaya Bahasa	30
Kreativiti	20
Kekemasan dan Keseragaman	10
JUMLAH KESELURUHAN	100

- 5.2. Sebanyak 10 hasil karya sajak terbaik akan disaring dan dipilih oleh juri untuk menentukan pemenang.
- 5.3. Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- 5.4. Semua karya sajak yang diterima adalah menjadi hakmilik PNM. PNM boleh menerbitkan karya sajak terpilih tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada penulis. Namun Hak Cipta Karya tetap di tangan penulis.

6. SENARAI HADIAH PEMENANG

6.1 Pemenang-pemenang akan menerima:

- Johan = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Naib Johan = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Tempat Ketiga = Wang Tunai dan sijil penyertaan
- Saguhati = Wang Tunai dan sijil penyertaan

7. PENOLAKAN PENYERTAAN

- 7.1. Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan; dan
- 7.2. Urus setia juga berhak mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari semasa ke semasa.

8. PENAFIAN

- 8.1. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga.
- 8.2. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta mengakui bahawa setiap elemen di dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga dan / atau apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 8.3. Pihak penganjur mempunyai kuasa mutlak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya mengikut keperluan.

9. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- 9.1. Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia selewat-lewatnya pada **31 Julai 2023 sebelum jam 11.59 malam**.
- 9.2. Penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

10. PERTANYAAN

10.1. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus Setia
Pertandingan Mencipta Sajak FSK 2023
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia
Aras 1, Anjung Bestari
232, Jalan Tun Razak,
50572 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2687 1826/ 1711/ 1769
E-mel : pinjaman@pnm.gov.my